



MALAYSIAN SOCIETY OF AGRICULTURAL AND FOOD ENGINEERS
Est. 1982



SEBARAN UNTUK AHLI SAHAJA

TERBITAN : 04/2024

KUNJUNGAN HORMAT EXCO MSAE KE NAIB CANSOLOR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)

MSAE telah mengadakan kunjungan hormat kepada Naib Canselor UPM, Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah, pada 10 Oktober 2024. Kunjungan ini memberi tumpuan kepada pelaksanaan Blueprint Keterjaminan Makanan UPM dan peluang untuk kerjasama antara UPM dan MSAE dalam agenda pembangunan agromakanan dan pertanian. Naib Canselor UPM telah dianugerahkan keahlian kehormat MSAE semasa kunjungan tersebut.



Gambar 1: Kunjungan Hormat Exco MSAE ke NC UPM

KUNJUNGAN HORMAT EXCO MSAE KE POLITEKNIK JELI KELANTAN

Pada 20 Oktober 2024, MSAE telah mengadakan kunjungan hormat ke Politeknik Jeli Kelantan, yang diketuai oleh Presiden MSAE, Prof. Ts. Dr. Rosnah binti Shamsudin, bersama beberapa ahli exco MSAE. Kunjungan ini menjadi titik tolak untuk memperkuat kolaborasi, bertukar pandangan, dan merancang peluang baharu demi memperkasakan industri dan menyediakan manfaat kepada pelajar dan Masyarakat.



Gambar 2: Kunjungan Hormat Exco MSAE ke Politeknik Jeli, Kelantan

ANUGERAH HIJAU MSAE (UPMKB) 2024

Anugerah Hijau MSAE (Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu) 2024 telah diberikan kepada Nur Hurin Husna Binti Rafiee, seorang pelajar cemerlang dalam jurusan Diploma Kejuruteraan Teknologi Pertanian dari segi akademik dan kokurikulum. Anugerah tersebut disampaikan oleh pada 27 Oktober 2024 semasa Majlis MSAE-SC Prom Night.



Gambar 3: Penerima Sijil Anugerah Hijau MSAE UPMKB

PROGRAM "HALA TUJU & MASA DEPAN PELAJAR AE SELEPAS BERGRADUAT" ANJURAN MASE

Program "Hala Tuju & Masa Depan Pelajar AE Selepas Bergraduat," yang dianjurkan oleh MSAE, telah diadakan secara atas talian pada 26 Oktober 2024. Program ini memberi penekanan kepada perjalanan kerjaya pelajar AE selepas graduan dengan tema utama "Kerjaya Adalah Perjalanan, Bukan Destinasi." En. Mohammad Zamani bin Safie, Ketua Penolong Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia yang juga Exco MSAE, telah menyampaikan ceramah utama dalam program ini.



Gambar 4: Poster Program

KURSUS “IOT SMART AGRICULTURE TRAINING 2024” ANJURAN MSAE

Pada 5 November 2024, Kursus 'IoT Smart Agriculture Training 2024' telah berjaya diadakan di Pusat Kecemerlangan IoT, Bahagian Kejuruteraan Pertanian, Jabatan Pertanian, Serdang, anjuran MSAE. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan kemahiran peserta dalam penerapan teknologi Internet of Things (IoT). Salah satu sorotan utama ialah pembentangan bertajuk 'Climate Smart Agriculture: Malaysia Perspective' yang disampaikan oleh En. Shyful Azizi Abdul Rahman dari Agensi Nuklear Malaysia, yang berkongsi pandangan mendalam tentang pendekatan pertanian pintar dalam konteks perubahan iklim di Malaysia



Gambar 5: Peserta Kursus 'IoT Smart Agriculture Training 2024'

KUNJUNGAN HORMAT EXCO MSAE KE KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN MALAYSIA (KPKM)

Pada 7 November 2024, satu sesi kunjungan hormat telah diadakan melibatkan YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha KPKM, bertempat di Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Kunjungan ini bertujuan untuk memperkenalkan peranan MSAE dengan harapan dapat membentuk kerjasama strategik yang menyokong transformasi sektor pertanian dan keterjaminan makanan negara. MSAE, sebagai persatuan profesional yang memfokuskan kejuruteraan pertanian dan makanan, berperanan untuk mempromosikan teknologi inovatif yang dapat membantu KPKM mencapai matlamat Dasar Agromakanan Negara melalui peningkatan produktiviti, kelestarian, dan keselamatan makanan.



Gambar 6: Exco MSAE Bersama KSU KPKM

BENKEL “RESPONSE SURFACE METHODOLOGY” ANJURAN MSAE

Pada 25 November 2024, satu bengkel dalam talian bertajuk 'Response Surface Methodology (RSM)' telah berjaya diadakan di bawah bimbingan Ts. Dr. Mohd Salahuddin Mohd Basri, Pensyarah Kanan dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman peserta dalam pengoptimuman dan analisis data, dengan sesi-sesi yang meliputi pengenalan kepada pengoptimuman, gambaran keseluruhan RSM, serta latihan praktikal dan analisis data menggunakan perisian *Design Expert*.

MSAE RESPONSE SURFACE METHODOLOGY (RSM)

25 NOVEMBER 2024
9 AM - 4 PM

ONLINE WORKSHOP

REGISTER NOW!

CONTACT US
excomsae@gmail.com

WHAT WILL YOU LEARN?

- Introduction to Optimization
- Overview of RSM
- Hands on: Step-by-step on Design of Experiment (DOE) and Data Analysis using Design Expert
- Information required for journal/thesis publication
- Course study and discussion
- Q&A and problem solving

TS. DR. MOHD SALAHUDDIN MOHD BASRI
SENIOR LECTURER, FACULTY OF ENGINEERING, UPM

Gambar 7: Poster Program

KUNJUNGAN HORMAT KE BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI, BIOECONOMY CORPORATION

Ts. Soeraya Satem, Naib Presiden Kanan Bahagian Pembangunan Industri, Putrajaya telah menerima kunjungan hormat daripada MSAE ke *Bioeconomy Corporation* di Putrajaya pada 18 Disember 2024. Kerjasama antara *Bioeconomy Corporation* dan MSAE berpotensi menjadi pemangkin penting dalam memperkukuh ekosistem bioekonomi Malaysia. Sektor pertanian dan makanan negara boleh diperkasakan dengan teknologi inovatif, dasar progresif, dan pembangunan modal insan yang lebih mantap melalui penggabungan kepakaran teknikal serta rangkaian industri MSAE dengan sokongan *Bioeconomy Corporation*.



Gambar 8: Kunjungan hormat MSAE ke Bahagian Pembangunan Industri, Bioeconomy Corporation